

30/07/2000

Malaysia boleh jadi pusat jenama terkenal

SEPANG: Perdana Menteri mahu Malaysia menjadi pusat beli-belah dan pengedar barangan berjenama popular baru di rantau ini.

Berucap merasmikan kedai Harrods pertama di negara ini, di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, syarikat Malaysia harus merebut peluang untuk menghasilkan barangan terkenal dan dijual di gedung berprestij, seperti Harrods.

"Syarikat di negara ini boleh melakukan yang terbaik untuk mencari barangan berjenama baru yang sama menarik seperti jenama sedia ada dan menjualnya di negara ini.

"Akhirnya, menjadi pengedar jenama itu di rantau ini," katanya.

Turut hadir di majlis itu ialah Pengerusi Malaysian Airport Berhad (MAB), Tan Sri Basir Ismail dan Pengerusi Amtek Holdings Berhad, Datuk Syed Abdul Jabbar.

Menurutnya, Malaysia mampu menjadi pusat beli-belah bagi rantau ini kerana kosnya lebih murah berbanding negara jiran lain.

"Masalahnya dulu peluang banyak diberi kepada syarikat luar sehingga wujud monopoli dan menjadikan harga barangan yang di jual di sini lebih mahal.

"Tapi, kalau kita boleh mengeluarkan barangan berjenama dan hak mengeluarnya tidak diberi kepada negara luar, kita mampu menguasai pasaran antarabangsa atau sekurang-kurangnya di rantau ini," katanya.

Beliau memberi contoh bagaimana kejayaan Harrods yang berjaya memukau pembeli seluruh dunia singgah di gedungnya, termasuk rakyat Malaysia.

Katanya, dengan Harrods menjalankan perniagaan di KLIA, ia akan menjadi titik permulaan bagi produk terkenal yang lain untuk dijual di lapangan terbang itu.

"Kita juga dapat mengelak pertukaran wang asing oleh rakyat Malaysia tidak lagi mengalir keluar, tetapi cukup di sini," katanya sambil berseloroh.

Dr Mahathir juga melahirkan rasa gembiranya kerana kedai Harrods akhirnya dibuka di Malaysia terutama di KLIA, kerana ia sepatutnya dibuka lebih awal.

Katanya, kedai bebas cukai itu boleh membantu menaikkan nama dan imej KLIA sebagai sebuah lapangan terbang baru.

"KLIA adalah sebuah lapangan terbang yang baru dan ia perlu dimasyhurkan dengan namanya sendiri.

"Salah satu daripadanya ialah dengan mengaitkannya dengan nama-nama terkemuka dunia yang lain seperti Harrods," katanya.

Perdana Menteri yakin kedai bebas cukai itu boleh berjaya berikutan meningkatnya jumlah penumpang di KLIA kebelakangan ini, terutama dari Timur Tengah.

Katanya, pelancong dari negara Arab sememangnya mempunyai kemampuan serta memiliki tukaran mata wang asing yang tinggi.

Kedai bebas cukai yang terletak di paras antarabangsa itu dikendalikan Amtek International, anak syarikat Amtek Holdings Berhad.

(END)